

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(XV)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS  
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

7. Dadah adalah musuh nombor 1 Malaysia.

(a) Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk membendung ancaman tersebut khususnya kepada generasi muda yang telah diambil atau akan diambil?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Wabak dadah bukan sahaja musuh no.1 negara, malah di peringkat antarabangsa juga, perang besar-besaran bagi membasmi wabak ini telah dijalankan oleh banyak negara-negara maju mahupun negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia. Perundangan dan Akta Dadah Merbahaya 1952 telah dirangka dengan khususnya bagi membasmi gejala dadah ini dengan namun saban hari tetap ada kes-kes berkaitan pengedaran atau penyalahgunaan dadah masih berlaku. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif bersama-sama dengan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk membendung ancaman dadah khususnya bagi melindungi generasi muda. Antara tindakannya adalah seperti berikut :

- (i) Melancarkan operasi-operasi berkala melalui risikan dan maklumat orang ramai secara berterusan bagi membenteras ancaman dadah.
- (ii) Menyedarkan masyarakat tentang akibat penyalahgunaan dadah melalui tindakan kesedaran seperti pameran dan ceramah.
- (iii) Melancarkan Ops Bersepadu dari semasa ke semasa dengan lain-lain Jabatan atau Agensi dalam membenteras pengedaran dadah.
- (iv) Program pendidikan pencegahan dadah (bagi generasi yang masih belum terjebak) termasuk di Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Di antara program bagi sekolah dan Institut Pengajian Tinggi Awam/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTA/IPTS) adalah penubuhan Skuad Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kelab *Tomorrow Leader*, program SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) dan lain-lain lagi
- (v) Program Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat Komuniti termasuk Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELD), Program Masih Ada Yang Sayang, dan lain-lain lagi.
- (vi) Program Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti (bagi generasi yang telah terjebak namun fokus kepada klien AADK) seperti program Mengatasi *Co-Dependency*, Program Kelompok Saling Bantu, dan lain-lain lagi.